

|            |                |         |              |
|------------|----------------|---------|--------------|
| TARIKH     | 19 / 9 / 2016  | SEKSYEN | DALAM NEGERI |
| MUKA SURAT | 7 & MUKA PEPAN | RUANGAN |              |



SEBAHAGIAN daripada kumpulan pertama seramai 442 jemaah haji Malaysia selamat tiba di KLIA, Sepang, semalam. -UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

## Kumpulan pertama jemaah haji tiba di KLIA

> Kumpulan pertama 442 jemaah haji tiba di KLIA pukul 11.21 pagi semalam dengan penerbangan Saudi Airlines.

> Mereka berlepas melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah pukul 9 malam waktu tempatan (2 pagi Ahad waktu Malaysia).

> Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badlisyah Abdul Ghani, sebanyak 47 penerbangan akan membawa pulang 22,320 jemaah haji dengan penerbangan terakhir pada 15 Oktober.

**BERITA DI MUKA 7**



BADLI SYAH ABDUL GHANI (kiri) menyambut kumpulan pertama seramai 442 jemaah haji Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

## Kumpulan pertama jemaah haji tiba

SEPANG 18 Sept. - Kumpulan pertama 442 jemaah haji Malaysia tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini hari ini menerusi penerbangan Saudi Airlines SV5644.

Ketibaan kumpulan tersebut pada pukul 11.21 pagi disambut oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badlisyah Abdul Ghani di samping ahli keluarga dan saudara mara.

Mereka berlepas melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, Jeddah ke tanah air pada pukul 9 malam waktu tempatan (2 pagi Ahad waktu Malaysia).

Badlisyah berkata, sebanyak 47 penerbangan akan membawa pulang kesemua 22,320 jemaah haji bermula hari ini dengan penerbangan terakhir dijadual tiba di tanah air pada 15 Oktober

depan.

Katanya, sembilan orang jemaah tidak berjaya melaksanakan ibadat wukuf kerana masalah kesihatan yang serius.

"Sementara itu, seramai 12 jemaah meninggal dunia, 11 kematian di tanah suci dan seorang ketika di tanah air," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan kumpulan pertama tersebut.

Badlisyah berkata, pihaknya akan mengadakan sesi *post-mortem* bagi meneliti maklum balas

yang diterima dari semua sudut operasi dan akan memperbaiki setiap kelemahan tersebut pada masa akan datang.

Ujarnya, semua jemaah haji dibekalkan dengan borang penilaian bagi mendapatkan maklum balas perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji.

"Maklum balas ini antaranya melibatkan soal keselamatan untuk membolehkan penambahbaikan dilakukan jika ada rungutan," katanya.